

# Nurul Sarah unggul Masum 2013

KUALA LUMPUR - Pelari kebangsaan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Sarah Abdul Kadir mengungguli saingan akhir acara 100 meter wanita kejohanan olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di Universiti Malaysia (UM) semalam dengan catatan 12.32 saat.

Tan Wei Ling dari UM meraih perak dengan catatan 12.89s manakala pingat gangsa milik Lily Hartini Ahmad Zaambri dari UiTM dengan masa 13.35s.

Saingan akhir acara lelaki pula menyaksikan pelari kebangsaan Mohd. Zabidi Ghazali yang mewakili UM terpaksa berpuas hati dengan pingat perak menerusi catatan 10.94s, tewas kepada wakil UPM, S. Kannan yang meraih pingat emas dengan kepantasan 10.82s.

Eldy Sham Irlon yang mewakili Uni-



**NURUL SARAH**

versiti Sabah (UMS) di tempat ketiga dengan masa 11.03s.

Eldy Sham menebus kehampaannya dalam acara 100m apabila mengungguli acara 400m lari berpagar dengan kepantasan 53.85s, pingat perak milik

Muhammad Adib Zuhusni Alet dari UiTM (54.00s) manakala pingat gangsa diraih

Muhammad Anis Al Hafidz dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan catatan 57.89s.

Saingan akhir acara 400m lari berpagar wanita pula menyaksikan pelari UMS, Emmy Ahkim muncul pemenang dengan masa 1:08.99s, diikuti Nurul Sha-fiqah Dawood dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang mencatat 1:15.53s manakala Nuradila Salleh dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ketiga dengan masa 1:21.75s.